

Program INTERIM FPL Sandakan erat hubungan UMS dan masyarakat

UB 18.11.2019 2

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Seramai 32 mahasiswa baharu Fakulti Pertanian Lestari (FPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sandakan dengan jayanya mengadakan program kemasyarakatan di Kampung Sungai Manila, Sandakan baru-baru ini.

Pengarah Program Bryan Steve Bolingi berkata, kesemua pelajar itu adalah kumpulan mahasiswa yang mengambil kursus Interaksi Institusi dan Masyarakat (INTERIM) di bawah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS.

Katanya, aktiviti berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Manila dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat kampung, murid-murid tahun enam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan

juga warga kerja sekolah berkenaan.

“Program yang berlangsung selama sehari ini dimulakan dengan aktiviti senamrobik dan diikuti dengan ceramah kesedaran berkaitan kepentingan mengitar semula bahan-bahan terpakai yang disampaikan pengajar kursus INTERIM UMS Sandakan Wilson Azahari,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Majlis perasmianya disempurnakan Dekan FPL UMS Prof. Dr. Abd. Hamid Ahmad.

Menurut Bryan, program itu juga diisi dengan sesi ceramah daripada wakil Pusat Zakat Sabah daerah Sandakan.

“Selain daripada itu, turut diadakan acara sukaneka, membuat lukisan mural, pembinaan sudut landskap di kawasan sekolah, serta membuat saluran air menggunakan

bahan terpakai di kawasan sekolah yang disalurkan terus daripada takungan air hujan,” katanya.

Sementara itu, Hamid dalam ucapannya berkata, universiti berperanan memberi kebaikan bukan sahaja kepada komuniti yang terdapat di dalam kampus tetapi juga kepada masyarakat.


“Masyarakat yang tinggal berhampiran universiti dipelawa mengambil peluang untuk menimba ilmu terutamanya berkaitan pertanian dan penterakan sejajar dengan kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pengajar yang terdapat di kampus FPL ini,” katanya.

Dalam majlis yang sama, Hamid turut menyempurnakan penyampaian sumbangan zakat kepada murid-murid SK Sungai Manila.

Hadir sama pada majlis itu Guru Besar SK Sungai Manila Zaini Osman.



KENANGAN: Para pelajar Interim UMS Sandakan bergambar bersama Hamid (duduk, empat kiri) dan Zaini (duduk, lima kanan) serta wakil Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan dan barisan kepimpinan PIBG SK Sungai Manila.



KERJASAMA: Pelajar UMS membuat lukisan mural bersama murid tahun enam SK Sungai Manila.